

Dilema pengasuh: Selamatkanlah anak kita?

TIADA yang tidak mengalir air mata apabila menonton berita dalam televisyen mengenai seorang kanak-kanak yang ditemukan meninggal dunia di rumah pengasuhnya.

Lebih menyayat hati apabila mengetahui Adam Rayqal Mohd. Sufi Naeif adalah anak sulung pasangan suami isteri yang baru berusia lima bulan itu baru seminggu diletakkan di rumah pengasuh tersebut. Sebelum ini, Adam Rayqal ditinggalkan di kampung ibunya kerana ketiadaan pengasuh atau pembantu rumah.

Tidak pasti bagaimana ibu bapa Adam Rayqal menemui pengasuh ini dan tidak pasti sama ada mereka telah terlebih dahulu memeriksa latar belakang pengasuh ini sebelum meninggalkan anak mereka dengannya.

DILEMA PENGASUH

Isu pengasuh atau pembantu rumah bukan perkara baharu di Malaysia. Tenaga kerja wanita sudah sampai 50 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja di negara ini. Wanita Malaysia menjawat berbagai jawatan termasuk menteri, gabenor Bank Negara, hakim, doktor, peguam, guru, jurutera, juruterbang dan sebagainya.

Buat masa ini Malaysia mengamalkan kesamarataan gender mengikut peruntukan

Fiqh munakahat

Bersama **PROF. DATUK NOOR AZIAH MOHD. AWAL**
Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak;
Felo Utama Institut Islam Hadhari, UKM naha61@gmail.com



Perlembagaan Persekutuan, pekerja lelaki dan wanita dilayan sama rata. Negara juga telah mewujudkan Kod Etika Gangguan Seksual Pekerja Wanita untuk membanteras perkara buruk daripada berlaku. Kerajaan juga telah memberi pekerja wanita cuti bersalin selama tiga bulan.

Namun semua ini masih tidak mencukupi. Sebagai seorang wanita bekerja, isteri dan ibu saya sendiri melalui hari-hari yang merunsingkan semasa bekerja apabila terpaksa meninggalkan anak di tempat asuhan. Namun saya jauh beruntung daripada ramai ibu bapa muda hari ini. Saya tinggal dengan ibu bapa sejak berkahwin dan apabila mengandung serta melahirkan anak, saya juga dijaga oleh ibu bapa.

Saya mendapat sokongan moral sepenuhnya daripada ibu bapa walaupun ada suara-suara suambang yang menyuruh berpindah. Ada yang kata duduk dengan ibu bapa tiada *privacy* dan nanti anak-anak bakal menjadi manja serta nakal.

Namun saya berkeras untuk terus tinggal dengan



Sebagai seorang wanita bekerja, isteri dan ibu saya sendiri melalui hari-hari yang merunsingkan semasa bekerja apabila terpaksa meninggalkan anak di tempat asuhan."

keluarga kerana tempat kerja tidak jauh dari rumah mereka. Bagi saya, jika mereka berjaya membesarkan saya dengan baik sekali, tentunya mereka juga mampu membantu mendidik anak kami.

Masa itu gaji agak kecil. Cukup sekadar untuk bayar minyak kereta dan belanja harian. Ibu bapa menjaga anak sulung sehingga berusia sembilan bulan dan selepas itu saya serta suami bawa anak ke London untuk menyambung pengajian. Kesukaran mencari rumah di



SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Selayang, Selangor, untuk mendapatkan tahanan reman lanjutan bagi membantu siasatan kes kematian Adam Rayqal Mohd. Sufi Naeif di Kampung Nakhoda, Batu Caves, Selangor, baru-baru ini.

London, menyebabkan terpaksa menghantar anak sulung pulang ke Malaysia dan kembali dijaga oleh neneknya selama lima bulan.

Saya tidak dapat ceritakan kerinduan terhadap anak sulung itu sehingga kami menjemputnya semula lima bulan kemudian.

Ada kesan psikologi kepada anak yang ditinggalkan secara tiba-tiba dengan neneknya walaupun sebelum itu neneknya, merupakan ibu saya, yang memeliharanya. Dia takut ditinggalkan dan ke mana sahaja saya pergi dia akan ikut. Dia menjadi anak yang kurang keyakinan diri dan perlu dipeluk serta dinyatakan sayang kepadanya.

Bagi rakan-rakan yang mengaji pembantu rumah dari negara jiran, berbagai-bagai masalah yang mereka lalui, antaranya:

- Ada yang cepat tangannya, habis barang-barang tuannya 'dikemaskan'
- Ada yang berat tulang, semua kerja tidak dibuat kecuali jaga anak sehinggakan makanannya dan anak-anak yang lain, tuan rumah kena balik untuk masak atau beli di kedai
- Ada yang tangkas bekerja sehingga habis pinggan mangkuk pecah dan pakaian berlubang-lubang serta hangus terbakar
- Tidak kurang juga anak yang ditinggalkan didera dengan

dipukul, disepak dan dicubit selain dilarikan.

Saya menjangkakan semua itu akan berubah dengan peredaran masa tetapi ia tetap berlaku apatah lagi sekarang kos mengambil pembantu rumah sudah meningkat. Akibatnya, ramai ibu bekerja yang terdesak antara kerjaya dan penjaga anak, sekali gus mengambil keputusan menghantar anak kepada pengasuh.

Kakak saya pernah menjadi pengasuh semasa tinggal di Shah Alam, Selangor. Beliau bukan mencari wang dengan menjaga anak orang. Dia jaga anak jiran sebab kasihankan kanak-kanak itu. Dia jaga anak orang seperti jaga anak sendiri malah lebih berhati-hati. Saya selalu teringat bagaimana kanak-kanak itu mewansi banyak perlakuannya seperti suka mengemas rumah.

Saya sangat mengagumi kakak saya kerana walaupun tidak berpendidikan universiti tetapi berjaya membesarkan tiga anaknya dan seorang anak jagaan sehingga berjaya serta bersahsiah tinggi.

PEROLEH PAHALA

Kenapa pengasuh yang sememangnya mencari rezeki dengan mengasuh tidak melakukan yang terbaik kerana mereka bukan sahaja dibayar

tetapi mendapat pahala? Kakak saya mengajar anak yang diasuhnya menghafal ayat al-Quran yang mudah, mengajar doa-doa dan cara makan yang beradab.

Jika pengasuh jujur membantu meringankan beban ibu anak jagaannya yang keluar mencari rezeki untuk keluarga, tentunya khidmat itu dikira sebagai pahala dan amal jariah yang berkekalan. Kita tidak dapat nafikan bahawa kemalangan boleh berlaku semasa mengasuh anak sendiri mahupun anak orang. Kematian dan kelahiran adalah hak Allah SWT. Itu perkara yang kita semua perlu ingat.

Jika kita berusaha sedaya upaya memastikan anak yang dijaga berada dalam keadaan selamat tetapi kemalangan tetap berlaku tanpa kita cuai, maka tentunya kita tidak akan dipersalahkan. Namun kita manusia biasa yang tidak sunyi daripada membuat kesilapan dan dalam kealpaan itu ditakdirkan anak yang dijaga itu menemui ajalnya.

Siapa yang hendak dipersalahkan? Siapa yang akan menanggung beban jika apa-apa berlaku kepada anak kecil itu? Dapatkah kita sebagai penjaganya meneruskan kehidupan tanpa rasa bersalah? Dapatkah ibu bapa kanak-kanak malang itu memaafkan pengasuhnya atas apa yang berlaku? Dalam kehidupan sehanian, jika dapat kita suburkan kesyukuran dan semai kemaafan, hidup akan lebih aman dan tenang.

Ketidakupayaan menerima ketentuan Allah SWT adalah penyebab kita akan sentiasa teringat-ingat, marah dan berdentam. Yang pergi tidak akan kembali, Tiada wang ringgit yang dapat mengganti pemergian adik Adam Rayqal.

Marilah beristighfar dan saling mengingati bahawa nyawa, hidup mati dan jodoh pertemuan adalah kehendak Allah semata-mata.

Yang bersalah tetap akan dihukum jika tidak di dunia akan tetap dihukum di akhirat. Kita boleh luluskan berbagai-bagai undang-undang untuk memastikan kanak-kanak berada dalam selamat. Jika Allah takdirkan dia akan pergi tiada siapa yang dapat menghalangnya.



ANAK-ANAK adalah antara amanah terbesar Allah kepada ibu-bapa. Justeru jaga, asuh dan bimbinglah mereka dengan sebaik mungkin. - GAMBAR HIASAN